


[RENCANA](#) > [UTAMA](#) [BISIK-BISIK](#) [FORUM](#) [BLOG](#) [AGAMA](#)
PRU14

CALON BERWIBAWA

Saodah Abd. Rahman



KONSEP perjuangan parti politik yang berasaskan kaum sukar untuk dipertahankan pada masa kini terutama apabila Malaysia bertukar menjadi sebuah negara metropolitan. GAMBAR HIASAN/UTUSAN

13 Mac 2018 12:00 PM



SENARIO pertelingkahan parti politik ketika ini secara tidak langsung boleh mengubah pemikiran masyarakat Islam berkaitan parti politik yang akan disokong, sekali gus corak pemerintahan negara pada masa hadapan. Jika asyik bertelagah, ia akan memberi kesan kepada peluang parti politik dan ahli politik itu sendiri dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) ini.

Justeru, pemilihan calon yang berwibawa oleh kepemimpinan parti untuk diketengahkan dalam PRU-14 sangat penting. Setiap kegiatan dan reputasi calon yang akan dipilih untuk menjadi rakyat wakil perlu dikaji dan diselidik secara terperinci tentang kebolehan, kewibawaan, ketekunan dan keikhlasan mereka dalam melaksanakan tugas sebagai wakil kepada parti politik mereka.

Penilaian terhadap kegiatan dan kegigihan calon wakil rakyat bukan sekadar melihat kepada kegiatan mereka yang dipamerkan dalam akaun media sosial seperti Facebook, Instagram atau seumpamanya tetapi berdasarkan kepada pemantauan secara komprehensif daripada masyarakat dan pihak tertentu yang dilantik oleh parti politik.

Masyarakat kini yang terdedah kepada sistem kehidupan global dan universal lebih prihatin terhadap individu yang dicalonkan sebagai wakil rakyat tanpa mengira parti politik. Kegigihan dan penglibatan calon wakil rakyat dalam masyarakat tanpa mengira musim dan masa adalah pilihan rakyat.

Justeru, para wakil rakyat yang dipilih semasa pilihan raya dahulu usah terlalu ghairah untuk menjadi calon dalam pilihan raya akan datang jika kemenangannya hanyalah berdasarkan kepada parti politik. Dan bukan kredibiliti diri dan sepanjang tempoh memegang jawatan itu, dia tidak melakukan apa-apa untuk penduduk di kawasannya.

Dalam konteks masa kini, masyarakat lebih tertumpu kepada kewibawaan dan kredibiliti calon wakil rakyat terutamanya apabila berlaku perpecahan yang paling serius dalam setiap parti politik umat Islam. Jika wakil rakyat yang dipilih dahulu gagal untuk memenuhi harapan masyarakat, maka usah bermimpi untuk menjadi pilihan rakyat pada pilihan raya akan datang kerana reputasi perkhidmatan yang dipertontonkan kepada masyarakat tidak melambangkan diri sebagai wakil rakyat yang berwibawa.

Setiap masyarakat mempunyai idola dalam kalangan ahli politik yang menyebabkan mereka taksub kepada individu-individu tersebut. Jika ahli politik yang diminati oleh mereka bergabung dengan parti politik lain, maka mereka tetap menyokong beliau sebagai wakil rakyat. Ini adalah lumrah pemikiran generasi dalam era globalisasi. Pemikiran dan perspektif mereka lebih luas dalam membicarakan sesuatu berkaitan

politik, ekonomi dan sosial kerana kemajuan teknologi komunikasi memberi peluang kepada mereka meneroka perkembangan dunia tanpa batasan geografi.

Konsep taksub kepada parti politik semakin hari kian luntur dalam pemikiran dan minda masyarakat masa kini kerana konsep pentadbiran dan pemerintahan negara adalah bercirikan gabungan parti politik pelbagai kaum.

Konsep perjuangan berunsur kaum atau bangsa pun sukar untuk dipertahankan masa kini terutama apabila negara sudah bertukar menjadi sebuah negara metropolitan.

Sebagai rakyat dalam negara yang dihuni oleh pelbagai kaum, maka generasi masa kini lebih menumpukan perhatian kepada calon wakil rakyat yang berwibawa dan menepati sifat dan tingkah laku sebagai pemimpin. Kecuaian dan kesilapan dalam pemilihan calon wakil rakyat bukan sahaja boleh menyebabkan parti politik menghadapi kekalahan, malah ia juga boleh mencemar kewibawaan parti politik sebagai satu parti yang ketandusan kepemimpinan.

Pucuk pimpinan parti politik sepatutnya tidak mengamalkan sifat favouritisme atau kronisme dalam pemilihan calon wakil rakyat kerana sifat ini boleh mengaburkan pandangannya dalam pemilihan calon berwibawa. Sikap keterbukaan dan menganalisis secara terperinci sepatutnya dijadikan sebagai satu prinsip dalam pemilihan calon wakil rakyat kerana keupayaan dan kelayakan individu hanya dapat dikenal pasti apabila setiap aspek berkaitan dengan dirinya dikaji dan diteliti.

Terdapat individu tertentu yang berkelayakan untuk dilantik sebagai calon wakil rakyat tetapi nama mereka tidak disenaraikan sebagai calon kerana bukan terdiri daripada ahli politik yang suka mempamerkan diri dan menonjolkan kebolehan demi kedudukan dan pangkat. Keupayaan mereka hanya diketahui masyarakat, lantaran keaktifan mereka dalam kegiatan kemasyarakatan dan sebagainya.

Individu-individu begini sepatutnya dilantik menjadi calon wakil rakyat kerana penglibatan mereka dalam kegiatan kemasyarakatan diiktiraf oleh masyarakat di kawasan mereka tanpa mengira parti politik dan kaum. Ahli-ahli politik yang tidak berakhlaq dan sering mengundang pergaduhan sesama ahli dalam parti politik atau masyarakat sepatutnya tidak dilantik sebagai calon wakil rakyat kerana sifat dan keperibadian begini tidak menepati ciri-ciri wakil rakyat berwibawa. Oleh itu, teliti dan kaji secara terperinci sebelum melantik calon wakil rakyat supaya masyarakat berkeyakinan bahawa calon-calon tersebut menepati harapan mereka dan mewakili parti politik yang berwibawa.

PROFESOR MADYA DR. SAODAH ABD. RAHMAN dari Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Tag Berkaitan

PRU14

Pilihan Raya

Politik (am)

Etika dan Moral

Pendapat

ARTIKEL BERKAITAN



Pedas-pedas Kari

Bukan mudah pilih calon
Azman Anuar



PRU14

MELAYU ISLAM TIDAK YAKIN PEMBANGKANG

Dr. Kamarul Zaman Yusoff

Warung Rakyat

Gempak satu logo
Zulkefli Hamzah

PRU14

DAP - Pengorbanan atau penipuan?

PRU14

Wajib keluar mengundi

PRU14

Pastikan PRU-14 bersih

DARI SELURUH LAMAN WEB

Sponsored Links by Taboola

Warga di Kuala Lumpur berlumba-lumba untuk mendapatkan alat bantu pendengaran ini

Hear.com

Malaysian Are Loving The 5 Different Modes of This New Laptop

General Computers

7 Great Habits Of Happy Retirees

Sun Life Malaysia

These Discreet Hearing Aids Are Sweeping Malaysia

Clinic Compare

This City-Builder Game Lets You Evolve through the Ages

Forge Of Empires - Free Online Game

Ex-Director: "Trading With This Safe Strategy Changes My Life!"

Wealth Creation Mentors

Khairi kecewa tidak dapat bertanding

BeritaHarian.sg

The Most Addictive Game Of The Year!

Elvenar - Free Online Game

VIDEO TERKINI



Direnjat ketika pasang bendera



1MDB: Pembangkang lengahkan isu saman ke atas Tony Pua



Otai Vespa

Pembangkang mahu cantas projek

Persempadanan semula kawasan pilihan raya

Mati didera kekasih ibu

VIDEO PILIHAN



MT 09 tangkas,
menyeronokkan



Kapsul berita 23 April
Direnjat ketika pasang

C CROWDYNEWS



ARTIKEL LAIN



PRU14 / Mahkamah gantung keputusan ROS bubar sementara PPBM



PRU14 / Senarai calon Parlimen, DUN Kelantan



PRU14 / BN pertaruhan 28 muka baharu di Kelantan



PRU14 / Senarai calon BN Sarawak diumum esok



Kadar pencapaian pendidikan Orang Asli memberangsangkan

PRU14 / BN Selangor tampilkan 57 muka baharu

MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya siap 24 peratus

PRU14 / BN mahu sokongan lebih kukuh daripada komuniti Cina



Berita	Rencana	Wilayah	Hiburan	Sukan	Bisnes	Pendidikan
Terkini	Utama	Johor	Berita	Bola Sepak	Ekonomi	Umum
Berita	Bisik-bisik	Kedah	Selebriti	Badminton	Korporat	Sekolah
Utama	Cuit	Kelantan	Muzik	Lumba	Usahawan	Kampus
Utusan Live	Selak	KL &	Filem &	Kereta	Automotif	Sastrawati
Nasional	Kolumnis	Putrajaya	Drama	Lumba	Hartanah	Agama
Politik	Forum	Melaka	Rancangan	Motorsikal	Teknologi	
Parlimen	Agama	Negeri	TV	Basikal	Saham &	Sains & Teknologi
Jenayah	Blog	Sembilan	Seni &	Golf	Wang	
Mahkamah	Sukan	Pahang	Budaya	Hoki		Sains
		Perak		lain-Lain		Teknologi
Luar Negara		Perlis	Gaya	Rencana		Inovasi
	Asean	Pulau	Hidup	Sukan		Gedjet
		Pinang	Rekreasi			Pertanian
		Sabah	Permotoran			Alam
		Sarawak	Pelancongan			Sekitar
		Selangor	Keluarga			
		Terengganu	Kesihatan	Video		
			Fesyen	Terkini		
				Isu Semasa		
				Bisnes		
				Pemotoran		

[Gaya Hidup](#)[Hiburan](#)[Agama](#)[Politik](#)

Kumpulan Utusan

[Kumpulan Utusan](#) | [Kosmo!](#) | [Tutor](#) | [Saji Online](#) | [disini.my](#) | [MyBooks](#) | [Job House](#) | [Utusan Karya](#)

[Jom Iklan](#) | [Mengenai Kami](#) | [Terma & Syarat Policy](#)

WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2017 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

No. 44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.